

BULETIN

JPBD


TERENGGANU



Buletin Rasmi **PLAN**Malaysia@Terengganu Edisi 1/2016

PLANNING: BEYOND CONVENTIONAL

Visit Beautiful
Terengganu
Malaysia 2017



Kandungan Menarik:

- JPBD Terengganu perolehi 5 Bintang Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kewangan Terbaik Tahun 2015
- Setiu Wetlands Khazanah Alam Sekitar Negeri Terengganu
- Perasmian Healthy Walkable City: Inisiatif Bandar Mesra Pejalan Kaki

Isi Kandungan

- 3 Pra Kata Pengarah
- 4 Salam Redaksi
- 5 Anugerah 5 Bintang Audit Akauntabiliti
- 6 Setiu Wetlands Khazanah Semula Jadi Terengganu Bernilai Tinggi
- 10 Persempadanan Semula Koridor Ekologi Central Forest Spine (CFS) Negeri Terengganu
- 12 Mesyuarat Pengarah Negeri JPBD Bil. 3/2016 di Terengganu
- 14 Perasmian “Healthy Walkable City”: Inisiatif Bandaraya Kuala Terengganu ke arah Bandar Mesra Pejalan Kaki

Sudut Nukilan - **Ikhlas itu BEBAS**

Menurut buku *Bicara Iman Untuk Tenang* (m/s 93) ada menyatakan bahawa ikhlas adalah daripada perkataan khalis, ertinya agama yang paling suci. Suci daripada syirik, sebarang penyekutuan terhadap Allah SWT. Orang yang ikhlas ialah orang yang berbuat atau meninggalkan sesuatu hanya kerana dan untuk Allah SWT.

Sebenarnya, seseorang itu tidak dikatakan ikhlas sekiranya dorongan dalam berbuat sesuatu itu terpesong terus daripada Allah SWT. Misalnya, belajar kerana hendak tunjuk pandai. Buat kerja hanya kerana ingin dapatkan perhatian dari rakan sekerja mahu pun majikan. Ataupun niat-niat yang bercampur baur di mana sebenarnya kerana Allah, tetapi masih tersirat juga untuk mendapat pujian daripada manusia. Itu adalah tidak ikhlas.

Ikhlas itu semata-mata untuk mendapatkan keredhaan Allah SWT. Orang yang tidak ikhlas, ertinya ada yang lain selain Allah SWT yang diagungkannya. Yang penting, hendaklah ikhlas pada diri sendiri. Bukan ikhlas untuk orang lain.

Menurut para ulama, orang yang ikhlas ada beberapa tanda. Pertama, sama ada di depan atau di belakang orang, amal ibadahnya sama sahaja. Kedua, dipuji tidak menambah amal, dikeji tidak mengurangkannya. Bila mana berbuat baik, akan datang pujian manusia.

Orang yang ikhlas mempunyai keyakinan kerana apa yang dibuat adalah kerana Allah SWT, bukan kerana manusia sekeliling. Selain itu juga, orang yang ikhlas adalah orang yang tidak mudah putus asa. Sekiranya kita menginginkan hati yang lapang, merdeka dan bebas, ikhlaskanlah dalam setiap apa yang dilakukan. Jika kita menjadikan Allah SWT sebagai tujuan kita beramal, maka kita tidak kisah dengan orang sekeliling yang sentiasa menghukum dengan apa yang dilakukan seharian.

Menurut pengarang *Bicara Iman Untuk Tenang* (m/s 96), yang baik, semua orang akan suka. Manakala yang buruk, semua orang akan benci. Maka dengan logiknya, jika kita ikhlas bukan sahaja Allah SWT sukakan kita tetapi bahkan manusia sekeliling pun akan sukakan kita. Jadi, ikhlaskan diri ini kerana Allah, dan bukan kerana manusia.



Pra Kata Pengarah

ASSALAMUALAIKUM WM. WB, SALAM TRANSFORMASI TERENGGANU BAHARU

Alhamdulillah, dengan izin dan limpah kurnia Nya, kita telah berjaya melangkau ke tahun 2017. Telah berakhir 2016 dengan pelbagai aktiviti yang telah dilaksanakan dengan jayanya berserta dengan semangat yang tinggi untuk membawa Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Terengganu sebagai peneraju dalam perancangan bandar dan desa ke arah mewujudkan persekitaran kehidupan yang sejahtera dan mampan. Jabatan juga komited dan menyokong pelaksanaan agenda utama Kerajaan Negeri iaitu "Transformasi Terengganu Baharu" dengan mekanisme perancangan yang dilaksanakan.

Jabatan sentiasa berusaha meningkatkan sistem penyampaian jabatan ke arah menghasilkan perkhidmatan yang berkualiti tinggi, berkesan dan memberi manfaat yang tinggi kepada rakyat. Antara usaha jabatan sepanjang tahun 2016 ialah:

- o Menaik taraf perkhidmatan kaunter dengan sistem kaunter khidmat pelanggan yang lebih cepat iaitu dengan penggunaan Customer Service Panel (CSP) untuk layanan yang lebih cepat;
- o Jabatan berjaya memperoses sebanyak 3568 permohonan secara manual (tukar syarat, pelan bangunan, rancang tapak dan pelan kebenaran merancang) serta 5393 permohonan kebenaran merancang OSC secara online dan merupakan negeri yang mendapat peratusan tertinggi sebanyak 95.96% dalam menyelesaikan permohonan pelan pemajuan melalui OSC Online.
- o Mengangkat 4 kertas dasar ke Jawatankuasa Perancang Negeri dan MMKN untuk menerimapakai dasar dasar yang akan membantu Kerajaan Negeri menjaga, mengawal dan menyelaras semua pembangunan agar seimbang,

harmoni dan mampan iaitu Cadangan Penambahbaikan Garis Panduan Perancangan Pembangunan Fizikal Pulau-pulau Peranginan, Taman Laut dan Resort-resort Negeri Terengganu, Permohonan Rundingan di bawah Seksyen 20A Akta 172, Cadangan Penerimapakai Kaedah-Kaedah Caj Pemajuan Terengganu 2016 dan Cadangan Penerimapakai Garis Panduan Kawalan Pembangunan di Sekitar Istana Syarqiyah Kuala Terengganu.

- o Penyediaan Rancangan Pemajuan dalam rangka untuk melengkapkan rujukan perancangan yang terikni dan relevan iaitu Rancangan Tempatan Kuala Nerus, Rancangan Tempatan Kuala Terengganu dan Rancangan Tempatan Dungun (Penggantian). Rancangan-rancangan Tempatan ini perlu sentiasa dinilai semula dan dikemas kini untuk memastikan rujukan perancangan yang terkini dan selari dengan arus pembangunan semasa.
- o Mengenal pasti kawasan-kawasan lapang yang akan diwartakan untuk mencukupkan dasar piawai 1000 penduduk dengan nisbah 2.0 hektar
- o Mencadangkan penerimapakai kawasan Central Forest Spine (CFS) untuk pemuliharaan dan menjaga habitat flora dan fauna hutan.

Jabatan juga telah mendapat pengiktirafan 5 Bintang daripada Jabatan Audit Negara dengan



Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Audit Akauntabiliti tahun 2015 dalam pengurusan kewangan. Keseluruhannya, saya bersyukur kerana JPBD Terengganu terus memainkan peranan yang penting dalam menyumbang kepada pembangunan fizikal dan sosio-ekonomi negeri, terutama dalam membantu negeri menggalakkan pembangunan dengan memberi nasihat perancangan dan meningkatkan penyampaian perkhidmatan.

Akhir kata, saya berharap Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Terengganu akan terus cemerlang dan terus menyumbang kepada kehidupan yang berkualiti dan mampan.....

***“Memburu
berkat amatlah
berat, tapi
justeru
di dalamnyalah
ada banyak
rasa nikmat”***

Salam Redaksi

Segala puji bagi Allah SWT yang telah menganugerahkan kepada kita nikmat iman dan Islam. Segala puji bagi Allah SWT juga kerana telah memberikan kesempatan dan keizinanNya dalam menghasilkan buletin Jabatan kami. Melalui kerjasama semua ahli Sidang Redaksi Buletin Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Terengganu maka terhasillah Buletin Edisi 2016 ini.

Pada kesempatan ini juga, tidak terlewat lagi untuk saya mengucapkan Selamat Menyambut Hari Perancang Bandar Sedunia 2016. Pihak sidang redaksi kali ini telah berusaha untuk membuat satu kelainan untuk semua pembaca. Edisi kali ini menghasilkan tiga artikel utama iaitu Cadangan Persempadanan Semula (CFS) dan Healthy Walkable City yang mana dapat menarik perhatian kepada semua pembaca mengenai isu perancangan yang berlaku di Negeri Terengganu. Buletin Edisi 1/2016 ini kami turut menyajikan sedikit penulisan agama dan kegiatan Jabatan kami dalam bentuk berita mahu pun dari sudut lensa.

Akhir sekali, pihak sidang redaksi memohon maaf atas segala kekurangan dalam menghasilkan Buletin Edisi 1/2016. Tidak lupa juga ucapan terima kasih ditujukan kepada semua pihak yang berperanan dalam penerbitan buletin ini.

Kami sentiasa menyambut baik semua komen dan saranan untuk menambah baik mutu Buletin Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Terengganu pada masa akan datang. Akhir kata, semoga buletin ini dapat memberikan manfaat dan selamat membaca!

Ketua Editor Sidang Redaksi
Buletin JPBD Terengganu

Sidang Redaksi

PENASIHAT



Abdul Aziz Mohter @ Makhtar

KETUA EDITOR



Mohd Saiful Azzam Rosli

EDITOR BERSAMA



Haji Ahmad Ariza Maliki



Nukhbah
Mohd Safii



Shafika Amira



Sajaratul Hidayah
Mustopal Kamar



Hariana Mukhtar

REKA BENTUK GRAFIK



Suhaidi Musa



Muhammad Aiman Mustafa

Anugerah 5 Bintang Audit Akauntabiliti

ANUGERAH KECEMERLANGAN PENGURUSAN KEWANGAN BERDASARKAN INDEKS AKAUNTABILITI 2015

Majlis Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti Jabatan Audit Negara bagi Tahun 2015 telah diadakan pada 22 Ogos 2016 bertempat Grand Ballroom, Level 2, MITC Melaka.

Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Terengganu merupakan antara 8 jabatan kerajaan yang telah dinobatkan penarafan Lima (5) Bintang Anugerah Pengurusan Kewangan Terbaik Berdasarkan Akauntabiliti 2015.

Sebagai penghargaan, setiap jabatan diberikan insentif wang tunai sebanyak RM20,000.00 beserta sebuah plak.



PENGURUSAN JPBD NEGERI TERENGGANU 2016



Setiu Wetlands Khazanah Alam Sekitar Negeri Terengganu

SETIU WETLANDS, TAMAN NEGERI



Sumber: Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Terengganu Tahun 2016 (Konsep Pembangunan Projek Ekopelancongan Tanah Bencah Setiu)

Laguna Setiu (Setiu Wetlands) atau Tanah Bencah Setiu, merupakan sebahagian daripada ekosistem Lembangan Sungai Setiu dan gabungan lembangan tanah lembap kompleks Setiu-Chalok-Bari-Merang terletak di Terengganu di Pantai Timur Semenanjung Malaysia. Fasa pertama melibatkan seluas 400 hektar dari jumlah keseluruhan kawasan seluas 1,743 hektar.

KEISTIMEWAAN SETIU WETLANDS

- i. Kepelbagaian ekosistem yang unik merangkumi ekosistem air tawar, air payau dan marin. Satu-satunya lokasi di Malaysia di mana terdapat pelbagai jenis ekosistem yang berhubung kait dalam satu lokasi.
- ii. Tanah Lembap Setiu merupakan satu tempat yang bukan sahaja unik, malah ianya satu kawasan cantik yang kaya dengan kelainan flora dan fauna yang digabungkan dengan laut serta terdapat juga bukit bukau di sepanjang pantai.

Tanah bencah Setiu diwartakan

Berpotensi sebagai lokasi eco pelancongan terkemuka

Oleh Aslina Abu Bakar
bitu@mediaprima.com.my

Kuala Terengganu

Kerajaan negeri berhasrat menjadikan tanah bencah di Setiu sebagai Taman Negeri bagi memelihara ekosistem dan memuliharaan kepelua masyarakat setempat di kawasan berkenaan.

Pengurus Jawatankuasa Sains dan Teknologi, Teknologi Hijau dan Air Terengganu, Datuk Ahmad Razif Abd Rahman, berkata tanah bencah Setiu mempunyai potensi ekopelancongan yang besar. "Terengganu mempunyai banyak lokasi berpotensi tinggi untuk dibangunkan bukan sahaja membolehkan kepeluaan dan tasik, malah tanah bencah Setiu juga antara kawasan sesuai dibangunkan.

Lokasi eco pelancongan
"Oleh itu, kerajaan berhasrat mempromosikan tanah bencah Setiu ini sebagai satu lagi lokasi yang perlu dibangunkan dalam sektor pelancongan sekali gus menjadikannya lokasi eco pelancongan," katanya. Beliau berkata, keunikan senibina ekosistem yang berbeza dan sukar didapati di negara lain menjadikan kawasan ini unik dan harus

dibangunkan secara lestari. "Tanah bencah Setiu mempunyai sembilan ekosistem yang sedang berhubung antaranya laut, pantai, lumpur, lagun, muara, sungai, palau, hutan di sepanjang pantai serta paya.

"Sembilan eco sistem itu menjadikannya unik sekali gus menjadi antara kawasan yang menarik dengan kekayaan flora dan fauna yang digabungkan dengan air laut, kawasan di hutan dan juga bukit di sepanjang pantai," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas merasmikan Seminar Kebangsaan Pemuliharaan Hutan Pesiaran Pantai Negara 2013 di Universiti Malaysia Terengganu (UMT) di Gong Badak, di sini. Seramai 200 peserta menyertai seminar dua hari itu.

Ahmad Razif antara tarikan dan aktiviti ekopelancongan, yang boleh dijalankan di kawasan itu adalah melihat habitat tanah lembap yang unik, kawasan penyus bertelur, peneakan masak dan memancing.

Mempunyai pendapatan
Sementara itu, Ahmad Razif berkata, selain memelihara kawasan ini melalui aktiviti penjagaan dan pemuliharaan kerajaan juga akan menjadikan kawasan itu sebagai lokasi masyarakat setempat merajut pendapatan.

"Eko pelancongan boleh merajut pendapatan alternatif kepada masyarakat setempat, yang kebanyakan mereka buat masa ini hanya bergantung penuh kepada sektor perikanan sebagai mata pencaharian. "Oleh itu, kerajaan meminta kerjasama Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, UMT, Kementerian Sumber Asli dan Alam sekitar supaya menjaga dan menjalankan penyelidikan kepada sembilan ekosistem yang ada di kawasan ini.



Ahmad Razif (dari kiri) memotong pokok Damai Milyak di pejabat Menteri Besar Negeri Terengganu (UMT) di Gong Badak. (FOTO: WILSON SHU HAKIM/BERNAMA)

"Selain itu, kerajaan akan memanfaatkan sepenuhnya amarah kurniaan Tuhon ini, yang diketakkan di bawah pengeloaan UMT. Kerajaan menguarai bekalan unggas terhadup pihak UMT dan memberi sokongan penuh kepada program pemeliharaan dan pemuliharaan di kawasan tersebut.

"Malah, saya juga difahamkan UMT sudah mendapatkan peruntukan besar bagi menjalankan pemeliharaan di kawasan itu," katanya. Ahmad Razif berkata, kerajaan akan mengadakan perlesenan terperinci bukan sahaja dengan pihak UMT, malah dengan Jabatan Perhutanan, terutama dalam aspek perundangan supaya perancangan dapat dilaksanakan dengan lebih baik.

Sumber: Akhbar Berita Harian (2 Julai 2013)



Sumber: WWF Malaysia



Sumber: Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Terengganu Tahun 2016 (Konsep Pembangunan Projek Ekopelancongan Tanah Bencah Setiu)

iii. Aktiviti yang sesuai ekopelancongan pula termasuk menonton keindahan alam semula jadi (habitat tanah lembap yang unik dan penyubur bertelur), penuaian madu dalam Paya Melalueca dan memancing.

iv. Ekopelancongan yang terdapat di Tanah Bencah Setiu boleh menjana pendapatan alternatif bagi masyarakat tempatan, yang pada masa ini bergantung hampir sepenuhnya kepada sektor perikanan untuk kehidupan.

Tanah Bencah Setiu terletak di daerah Setiu di Negeri Terengganu. Ia juga merupakan kompleks tanah bencah pesisir pantai yang terbesar di kawasan pantai timur Semenanjung Malaysia yang mengandungi sungai yang terdiri daripada Sg. Setiu, Sg. Chalok, Sg. Bari dan Sg. Merang. Ini menjadikan kawasan Tanah Bencah Setiu sebagai kawasan berpotensi utama ekopelancongan di Daerah Setiu.


“Setiu Wetlands” kini menjadi kawasan perhatian utama bagi pembangunan penyelidikan berasaskan pengurusan lestari tanah lembap, perlindungan biodiversiti dan penyelenggaraan fungsi ekologi. Yayasan DiRaja Sultan Mizan (YDSM), Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD) Terengganu, Majlis Daerah Setiu (MDS), Jabatan Pertanian Negeri Terengganu, Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dan Universiti Putra Malaysia (UPM) merupakan antara agensi yang sedang menjalankan kolaborasi dalam melaksanakan pengurusan tanah lembap secara mampan untuk jangka panjang dan seterusnya menyumbang kepada peningkatan ekonomi dan sosial masyarakat tempatan sekitar.

Antara kajian sedia ada di Tanah Bencah Setiu adalah:


1. Kajian Pokok Bakau Berus Mata Buaya.
2. Kajian Pokok Kepala Beruk dan Orkid Hutan (Pulau Telaga Tujuh)
3. Kajian Hutan Paya Laut (Pulau Gemia, Pulau Sutung).
4. Projek Penyelidikan Biodiversiti Ekosistem Kampung Pengkalan Gelap
5. Program Pemerhatian Kunang-kunang Setiu Wetlands (Kampung Mangkuk).
6. Program Ternakan Ikan dalam Sangkar (Kampung Gong Batu).



Sumber: Internet



Pelan Pembangunan Guna Tanah ‘Setiu Wetlands’



Tanah Bencah Setiu



**Lawatan Ketua Pengarah dan
Timbalan Ketua Pengarah JPBD
Semenanjung Malaysia,
Pengarah-pengarah JPBD Negeri,
Pengarah-pengarah Bahagian JPBD
Semenanjung Malaysia
ke Tanah Bencah Setiu.**

Sumber: Lawatan Mesyuarat Pengarah Negeri, JPBD 2016

Kolam Ternakan Udang Blue Archipelago Setiu



Sumber: JPBD Terengganu 2016

Taman Akuakultur Udang Bersepadu Kg. Nyatoh, Penarik, Setiu diusahakan di tanah seluas 1200 hektar dari Kampung Nyatoh hingga ke Kampung Banggol di daerah Setiu, Terengganu. Projek Taman Akuakultur Udang Bersepadu atau 'Integrated Shrimp Aquaculture Park (i-SHARP)' ini bernilai RM200 juta. 500 peluang pekerjaan untuk anak tempatan diwujudkan. Pemajunya ialah Tetuan Blue Archipelago. 10,000 hingga 12,000 tan udang putih dan 5,000 tan udang harimau mengikut piawai pasaran antarabangsa dapat dikeluarkan. Taman akuakultur ini bukan sahaja menyediakan kolam udang malah menjadi pusat pembenihan udang serta kilang memproses udang putih. Pada masa ini, sebanyak 85 peratus pekerja dikuasai oleh anak Terengganu. Pekerjaan yang diwujudkan itu mampu menjana pendapatan RM12 juta setahun dan secara langsung mampu meningkatkan kegiatan ekonomi penduduk setempat.

Pada 25 dan 26 September 2016, Ketua Pengarah dan Timbalan Ketua Pengarah JPBD Semenanjung Malaysia, Pengarah-pengarah JPBD Negeri juga turut mengunjungi Taman Akuakultur Udang Bersepadu Kg. Nyatoh.



Sumber: JPBD Terengganu 2016



APA ITU CFS?

PERSEMPADAN SEMULA KORIDOR EKOLOGI CENTRAL FOREST SPINE (CFS) NEGERI TERENGGANU

Central Forest Spine (CFS) adalah suatu bentuk landskap hutan yang berhubungan dalam bentuk fizikal dan mempunyai fungsi tertentu. Dalam konteks perancangan pula 'Central Forest Spine' (CFS) diwujudkan untuk membentuk tulang belakang kepada jaringan kawasan sensitif alam sekitar (KSAS).

Di peringkat Negeri Terengganu terdapat 4 lokasi yang telah ditetapkan sebagai kawasan pelaksanaan koridor ekologi 'Central Forest Spine' (CFS) iaitu :

- a) PL7: Taman Negara - Tembat FR (Greater Taman Negara)
- b) SL4: Taman Negara Forest Complex - Terengganu Coast
- c) PL11: Hutan Simpan Jerangau
- d) SL5: Taman Negara Complex - Terengganu Coast

SENARIO SEMASA DI KORIDOR EKOLOGI CENTRAL FOREST SPINE (CFS) NEGERI TERENGGANU

PL7: TAMAN NEGARA – TEMBAT FR (GREATER TAMAN NEGARA)

Sebanyak tiga (3) jejambat hidupan liar telah dibina oleh pihak JKR pada tahun 2007 di sepanjang jalan raya Kenyir – Felda Aring iaitu di Hutan Simpan

Tembat. Sehingga tahun 2015, pihak Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu dan Perhilitan Negeri Terengganu telah meletakkan papan tanda di 9 lokasi sepanjang jalan raya Kenyir - Felda Aring (Hutan Simpan Tembat). Penyediaan jejambat dan papan tanda adalah berikutan daripada rekod tahun 2011, di mana terdapat 10 kemalangan yang melibatkan hidupan liar di sepanjang koridor ini. Mamalia terbesar direkodkan terlibat adalah harimau kumbang.

SL4: TAMAN NEGARA FOREST COMPLEX – TERENGGANU COAST

Koridor sekunder ini melibatkan Hutan Simpan Jerangau, Hutan Simpan Besul Tambahan, Hutan Simpan Rasau Kerteh, Hutan Simpan Besul dan Hutan Simpan Jengai. Terdapat kes kemalangan yang terbaru melibatkan seekor harimau berlaku di koridor ini dan pihak Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu telah memasang papan tanda Hutan Simpan Kekal dan amaran di Hutan Simpan yang terlibat.

PL11: HUTAN SIMPAN JERANGAU


Koridor utama ini telah terputus akibat daripada pembinaan Lebuh raya Pantai Timur 2 seluas 35.5 hektar. Pada tahun 2015, terdapat 4 kemalangan yang melibatkan mamalia terbesar iaitu tapir dan beruang matahari. Cadangan pembinaan jejambat (viaduct) bagi PL11 telah dibentangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Bil. 3/2015 di beberapa lokasi yang berpotensi untuk disediakan "viaduct" seperti di KMM 388.7 Jambatan Sungai Kemeleh yang merupakan jambatan sedia ada dan KMM 361 Jambatan Sungai Luit.

SL5: TAMAN NEGARA COMPLEX - TERENGGANU COAST 2

Koridor Sekunder ini melibatkan Hutan simpan Pak Kancil, Hutan Simpan Bukit Kesting, Hutan Simpan Hulu Nerus dan Hutan Simpan Hulu Setiu termasuk Tanah Bencah Setiu. Sehubungan itu, pihak Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu telah memasang papan tanda Hutan Simpan Kekal dan papan tanda amaran hutan simpan yang terlibat. Terdapat jalan raya yang melintasi 22 hutan simpan Bukit Kesting yang melibatkan Kg. Gerdong - Kg Pelong.



Sumber : @ZoologiMY, 6.05 A.M, 2 March 2016
<https://twitter.com/zoologimy/status/705031331210596352>



Sumber: Sinar Online, 6 Februari 2016
<http://www.sinarharian.com.my/semasa/harimau-belang-mati-dirempuh-mpv-1.482300>

Melintas mengejut

■ Beruang matahari mati dilanggar MPV tak sempat elak

Oleh Asih Ihsan
asiah@metro.com.my
Dungun

“Beruang itu melintas secara tiba-tiba menyetyatkan saya apabila mengelak sebelum melanggarnya,” kata Mohd Akmal Zaini Zaidan, 29, selepas kejadian beruang matahari (MPV) di kawasan Lebuhraya Pantai Timur 2 (LPT2) berhampiran Ladang Luanan Mada, di sini, se-

kejadian. Sementara itu, Pengetua Persempadanan Liar dan Yaitu Nezi JUIFANO Jevangan Shamir berkata, ia menimbulkan bimbang kerana ia boleh raya terbabat. Katanya, pihak pembayar cukai yang bertanggungjawab memulakan langkah untuk memastikan keselamatan beruang matahari pertama terdapat. “Saya percaya beruang matahari ini memencet rayu sama ada mada yang rosak atau den yang kerana bawak boleh memencet paka memencet letak di



Rangka beruang matahari ditemui mati dilanggar kereta (gambar kecil) di Kilometer 150 Lebuhraya Pantai Timur LPT2, Kelantan. (FOTO ROSLI USMAN/STV)

Beruang matahari mati kena langgar



Dungun : Sekor beruang matahari mati selepas ditempuh pengguna Lebuhraya Pantai Timur (LPT2), berhampiran Ladang Luanan Mada, di sini, se-

malam kelmarin. Dalam kejadian kira-kira jam 9.30 malam itu, beruang berkecenderungan mati ditempuh sebuah kenderaan, sebagai (MPV) dipandu Mohd Akmal Zaini Zaidan, 29, selepas bawak berkecenderungan tiba-tiba melintas di lokasi terbabit. Akmal ketika ditemui bes-



Sumber : Keratan Akhbar Harian Metro


<http://dirihaim.deviantart.com/art/Setiu-Wetland-2-57326116>

PETA PERSEMPADANAN SEMULA CENTRAL FOREST SPINE (CFS)

Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Terengganu mengangkat cadangan persempadanan semula semua sempadan-sempadan koridor ekologi Central Forest Spine (CFS) di Negeri Terengganu kerana sempadan – sempadan tersebut mempunyai

konflik dengan guna tanah dan senario pembangunan semasa Negeri Terengganu. Cadangan persempadanan semula dibuat bagi memastikan pelaksanaan Koridor Ekologi Central Forest Spine (CFS) yang lebih rasional dan praktikal.


Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Bil. 3/2015 telah memperakui cadangan JPBD Terengganu untuk persempadanan semula bagi semua sempadan Koridor Ekologi Central Forest Spine (CFS) seperti yang berikut:




Lokasi: Tasik Kenyir Dan Hutan Simpan Petuang (Daerah Hulu Terengganu)
Luas Sempadan Asal : 20,170 Hektar | Luas Sempadan Baru: 48,590 Hektar



Lokasi: Lebuhraya Pantai Timur (LPT2) (Sempadan Daerah Hulu Terengganu / Dungun)
Luas Sempadan Asal : 1,349 Hektar | Luas Sempadan Baru: 2,932 Hektar



Lokasi: Lebuhraya Pantai Timur (LPT2) Daerah Dungun
Luas Sempadan Baru: 28,804 Hektar



Lokasi: Hutan Simpan Bukit Kesting, Hulu Nerus Dan Hulu Setiu
Luas Sempadan Baru: 48,590 Hektar

MESYUARAT PENGARAH NEGERI JPBD BIL. 3 TAHUN 2016



Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Terengganu telah dipilih sebagai tuan rumah untuk Mesyuarat Pengarah Negeri JPBD Bil. 3 Tahun 2016. Mesyuarat ini telah diadakan pada 25 dan 26 September 2016. Seramai 50 orang peserta mesyuarat yang hadir terdiri daripada Timbalan Ketua Pengarah JPBD Semenanjung Malaysia, Pengarah-pengarah JPBD Negeri, Pengarah-

pengarah Bahagian JPBD SM dan Pengarah-pengarah dari agensi lain termasuklah dari Sabah dan Sarawak. Di samping itu, pihak penganjur turut mengadakan lawatan teknikal ke Setiu Wetlands seperti menelusuri Sungai Setiu serta ke Ladang Ternakan Ikan dalam Sangkar di Kampung Gong Batu dan Ladang Akuakultur Ternakan Udang Bersepadu di Kampung Nyatoh.

SEPINTAS LALU JPBD TERENGGANU 2016

JANUARI



Perhimpunan Kakitangan Awal Tahun 2016 dan Majlis Persaraan Hj. Jamili bin Ibrahim

MEI



Majlis Tazkirah Haluan NGO oleh En Muhamad Rajaei bin Saari

OGOS



Majlis Jasamu Dikenang En. Dzul Ashrai bin Abu Bakar dan Hj. Mustapa bin Che Omar



Perasmian Healthy Walkable City oleh Menteri Kesejahteraan Bandar Perumahan dan Kerajaan Tempatan Dato' Abdul Rahman bin Dahlan



Persaraan En. Khairuddin bin Che Yusop



Majlis Perhimpunan Pertengahan Tahun

FEBRUARI



Bengkel Focus Group Discussion (FGD) RTD Dungun

Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Bil. 1/2016

JUN



Sukan Dalam (Bowling)



Lawatan JPBD Melaka

MAC



Lawatan Kerja Ketua Pengarah JPBD Semenanjung Malaysia



Ceramah HALUAN NGO penceramah dari Syria



Pengarah Negeri JPBD

Lawatan Teknikal ke Setiu Wetlands

JULAI



Majlis Penyerahan Projek Perintis Universal Design Taman Rahmat, Mara

Lawatan Tapak ke Pulau Tenggol



Sumbangan Ramadan Jabatan



SEPTEMBER

Majlis Makan Malam Bersama Pengarah Negeri JPBD

DISEMBER



Rancangan Korporat Jabatan di Hotel Furama, Kuala Lumpur

APRIL



Majlis Jasamu Dikenang - Puan Rosnah bt. Mohamad



Sambutan Hari Raya Aidilfitri JPBD 2016 Peringkat Wisma Negeri



Sambutan Maulidur Rasul



Aktiviti Keluarga Kakitangan di Tasik Kenyir

Majlis Jasamu Dikenang
En. M. Ariff Fadhliah bin Hj Abd Rahman
dan En. Ab Jalal bin Md Noor
Sambutan Hari Lahir Kakitangan bulan Oktober
November dan Disember

PERASMIAN PROJEK 'HEALTHY WALKABLE CITY'

KE ARAH KUALA TERENGGANU BANDAR MESRA PEJALAN KAKI

Pada 30 Januari 2016, berlangsungnya Majlis Perasmian Projek Perintis Healthy Walkable City di Jalan Kampung Daik, Kuala Terengganu. Majlis dirasmikan oleh Menteri Kesejahteraan Bandar Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Abdul Rahman Dahlan. Turut hadir, Ketua Pengarah JPBD Semenanjung Malaysia, Dato' Dr. Dolbani bin Mijan.

Projek Healthy Walkable City merupakan hasil daripada projek Perintis Healthy City yang merupakan salah satu projek showcase bagi Pusat Kecemerlangan Kesejahteraan Bandar (Centre of Excellence) yang diwujudkan di Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

(PKPT) di mana Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia (JPBD SM) merupakan inkubator bagi pusat kecemerlangan ini.

Selain daripada itu, projek Healthy Walkable City juga bertujuan meningkatkan amalan gaya hidup aktif dan sihat penduduk bandar melalui reka bentuk persekitaran fizikal agar komuniti boleh menyokong antara satu sama lain dalam mencapai potensi kesihatan yang tinggi. Ianya merupakan satu agenda kesihatan di mana ianya dilihat sebagai satu isu bandar dan berusaha untuk membaikinya serta komited dalam penjagaan kesihatan kepada setiap warganya.

Pelaksanaan projek yang mempunyai dua fasa pembinaan ini adalah berbentuk kerjasama di antara JPBD

Semenanjung Malaysia, Kementerian Kesihatan Malaysia, Majlis Bandaraya Kuala Terengganu dan JPBD Negeri Terengganu.

	FASA 1	FASA 2
LALUAN	Jln. Kg. Daik, Jln. Kota & Jln. Banggol	Jln. Masjid Abidin & Jln. Sultan Ismail, Jln. Syed Hussin
JARAK	400 m	1.15 km
KOS	RM 1 Juta	RM 2.2 Juta


Tapak Projek Healthy Walkable City

Kemudahan yang disediakan :

1. Laluan pejalan kaki berbumbung
2. Papan tanda berinfomasi kesihatan
3. Landskap (Kejur /Lembut)
4. Pencahayaann
5. Tong sampah
6. Bangku rehat



Tapak Projek Healthy Walkable City dari persimpangan terminal bas ke Pasar Payang di sepanjang deretan kedai makan melalui Jalan Kampung Daik, Jalan Banggol dan Jalan Kota (Rizab Jalan MBKT).



Pembangunan Projek Bandar Mesra Pejalan Kaki di Pusat Bandar Kuala Terengganu

Pelaporan Kes Lembaga Rayuan Negeri Terengganu 2015

1. Rayuan ke Atas Penolakan Kebenaran Merancang bagi Permohonan Pecah Sempadan dan Tukar Syarat Serentak Lot 2879, GM 1597, Mukim Jerangau, Dungun.

Tarikh Daftar Kes : 25/11/2014

No. Rayuan : LR/D/1/2014

Nama Perayu : Mohd Amin bin Shaikh Abdul Nasir

Responden : Majlis Perbandaran Dungun

Panel Lembaga Rayuan:

Pengerusi : Hj. Nik Mohd Nasir bin Nik Hussin

Ahli : Haji Kamaludin bin Ismail

Ahli : Haji Sulaiman bin Mohd

Tarikh Perbicaraan:

1. 4/11/2015 (Sebutan & Bicara)
2. 26/11/2015 (Lawatan Tapak)
3. 29/11/2015 (Bicara)
4. 30/11/2015 (Bicara & Keputusan)

Latar Belakang Kes:

Pihak Responden telah menolak permohonan ini kerana ianya terletak dalam zoning pertanian mengikut Rancangan Tempatan Dungun yang telah diwartakan. Namun begitu sebelum itu pihak Responden juga telah meluluskan 2 permohonan yang sama dan berdekatan dengan lot permohonan Perayu yang juga terletak dalam zoning pertanian. Lot-lot berkenaan ialah lot 3149 dan 3150.

Perayu merayu supaya diberi pertimbangan yang sama kerana tapak Perayu juga berada di tepi jalan yang

sama dengan kedua-dua lot berkenaan.

Keputusan Kes:


Pihak Lembaga setelah mendengar hujah kedua-dua pihak telah memutuskan rayuan Perayu DITERIMA.

Alasan panel ialah tapak permohonan Perayu mempunyai ciri-ciri yang sama dengan kedua-dua permohonan berdekatan yang telah diluluskan oleh Responden. Kerana jarak tapak Perayu dengan kedua-dua permohonan berkenaan hanya 200 meter serta lengkap dengan kemudahan infrastruktur seperti bekalan air dan elektrik. Kesemua faktor berkenaan telah diperolehi semasa Panel membuat lawatan tapak pada 26 November 2015.



LOKASI TAPAK

GAMBAR TAPAK BAGI LOT 2879 GM 1597 SERTA LOT-LOT SEKITAR



2- Rayuan ke Atas Penolakan Kebenaran Merancang bagi Pecah Sempadan Lot 7086 GM1073, Mukim Bukit Payong, Marang.

Tarikh Daftar Kes : 12/8/2015

No. Rayuan : LR/M/1/2015

Nama Perayu : Sungai Serai Kuari Sdn. Bhd.

Responden : Majlis Daerah Marang

Panel Lembaga Rayuan:

Pengerusi : Hj. Nik Mohd Nasir bin Nik Hussin

Ahli : Haji Wan Sagar bin Wan Embong

Ahli : Encik Anuwar bin Mohd

Tarikh Perbicaraan:

1. 5/11/2015 (Sebutan & Bicara)
2. 23/11/2015 (Bicara)
3. 24/11/2015 (Keputusan)

Latar Belakang Kes:

Perayu mengemukakan permohonan ini kerana tapak ini berstatus syarat bangunan. Telah terdapat beberapa lot sekitar yang telah pun diluluskan permohonan pecah sempadan sebelum ini.

Pihak Responden telah menolak permohonan ini kerana tapak permohonan berdekatan dengan tapak perusahaan kuari yang masih aktif pengeluarannya dan jaraknya hanya 438 meter. Ianya selaras dengan Garis panduan yang dikeluarkan oleh Jabatan Alam Sekiar iaitu "Guideline for The Sittng and Zoning of Industries and Residential Areas" yang telah diterima pakai oleh Kerajaan negeri melalui Jawatankuasa Perancang Negeri yang berkuat kuasa mulai tahun 2012.

Mengikut garis panduan berkenaan jarak kawasan perumahan dengan Industri hendaklah berjarak 500 meter iaitu diukur antara sempadan ke sempadan. Jarak berkenaan bertindak sebagai Zon Penampakan.

Keputusan Kes:

Pihak Lembaga setelah mendengar hujah kedua-dua pihak telah memutuskan rayuan Perayu DITOLAK. Panel berpendapat bahawa, bagi menjamin keselesaan penduduk serta pencemaran yang berlaku di sekitar kawasan berkenaan adalah wajar permohonan ini ditolak selaras dengan pemakaian garis panduan "Guideline for The Sittng and Zoning of Industries and Residential Areas" yang dikeluarkan oleh Jabatan Alam Sekitar dan diterima pakai oleh Pihak Berkuasa Negeri mulai tahun 2012. Jarak tapak sebenar dengan sempadan kawasan kuari berjarak 229 meter dan ianya berada dalam zon penampakan 500 meter sebagaimana yang ditetapkan dalam garis panduan berkenaan.

GAMBAR TAPAK BAGI LOT 7086 GM 1073 DAN LOT-LOT SEKITAR



Pelaporan Kes Lembaga Rayuan Negeri Terengganu 2016

1. Rayuan ke Atas Syarat-Syarat Kebenaran Merancang bagi Permohonan Pecah Sempadan dan Tukar Syarat Serentak Lot 7377, PM 553, Mukim Pengadang Buluh, Daerah Kuala Terengganu

Tarikh Daftar Kes : 4/5/2016
 No. Rayuan : LR/KT/1/2016
 Nama Perayu : Jurukur Sulaiman
 Responden : Majlis Bandaraya Kuala Terengganu

Panel Lembaga Rayuan:

Pengerusi : Hj. Nik Mohd Nasir bin Nik Hussin
 Ahli : Haji Kamaludin bin Ismail
 Ahli : Haji Wan Sagar bin Wan Embong

Tarikh Perbicaraan:

- 21/8/2016 (Sebutan & Bicara)
- 19/9/2016 (Keputusan)

Latar Belakang Kes:

Perayu mendaftarkan kes kerana terkilan dengan syarat yang dikenakan oleh Responden dan ianya perlu dipatuhi bagi mendapatkan kelulusan dari Responden. Antara syarat yang tidak dapat diterima oleh Perayu ialah perlu mengemukakan laporan geoteknikal untuk penilaian Jabatan Mineral dan Geosains serta perlu melantik *Independent Checker* (Perunding) bagi memantau pembangunan bagi pihak Perayu (MBKT). Kedua-dua syarat ini akan menjangkau kos RM20,000.00 kepada Perayu.

Responden dalam hujahnya memaklumkan bahawa rayuan Perayu adalah bersifat pramatang iaitu syarat-syarat berkenaan perlu dipatuhi bagi sebelum kelulusan kebenaran merancang diberi oleh Responden. Syarat-syarat berkenaan perlu dipatuhi memandangkan tapak permohonan adalah di lereng bukit dan ianya

tertakluk kepada keperluan Garis Panduan Pembangunan di Tanah Tinggi dan Lereng Bukit yang telah diterima pakai oleh Pihak Berkuasa Negeri. Dalam hal ini, Responden membuat bantahan kerana kes ini tidak wajar didaftarkan oleh Perayu memandangkan keputusan kebenaran merancang belum lagi dikeluarkan oleh Responden sebagaimana yang termaktub dalam Kaedah-kaedah Lembaga Rayuan Negeri Terengganu 1995 dan Seksyen 21(3) Akta 172.

Keputusan Kes:

Panel telah memutuskan rayuan Perayu DITOLAK kerana syarat-syarat yang dikenakan itu adalah bersifat pramatang di mana keputusan kebenaran merancang belum lagi dikeluarkan oleh Responden. Ianya lebih bersifat arahan sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Seksyen 21(3)(g) Akta 172.

MAKLUMAT PEWARTAAN RANCANGAN PEMAJUAN DI NEGERI TERENGGANU

BIL	NAMA KAJIAN	NO. WARTA	NO. RUJUKAN	TARIKH WARTA
1.	Rancangan Struktur Negeri Terengganu	51	RSN/TR/1	1 Februari 2007 (Jilid 60.No.3)
2.	Rancangan Tempatan Daerah Kemaman	52	MPKT/RTD/1	1 Februari 2007 (Jilid 60.No.3)
3.	Rancangan Tempatan Daerah Setiu	53	MDS/RTD/1	1 Februari 2007 (Jilid 60.No.3)
4.	Rancangan Tempatan Daerah Dungun	1464	MPD/RTD/1	31 Disember 2009 (Jilid 62 No.27)
5.	Rancangan Tempatan Daerah Marang	1465	MDM/RTD/1	31 Disember 2009 (Jilid 62 No.27)
6.	Rancangan Tempatan Daerah Besut	1466	MDB/RTD/1	31 Disember 2009 (Jilid 62 No.27)
7.	Rancangan Tempatan Daerah Kuala Terengganu	318	TR.09/0166	31 Mac 2011 (Jilid 64 No.7)
8.	Rancangan Tempatan Daerah Hulu Terengganu	319	TR.09/0220	31 Mac 2011 (Jilid 64 No.7)
9.	Rancangan Tempatan Daerah Kemaman (Pengubahan)	142	TR.09/0174	20 Disember 2012 (Jilid 65)
10.	Rancangan Tempatan Daerah Setiu (Pengubahan)	141	TR.09/0169	20 Disember 2012 (Jilid 65)
11.	Rancangan Kawasan Khas Kuala Nerus	Tidak Diwartakan		
12.	Rancangan Kawasan Khas Pusat Bandar Kuala Terengganu	438	TR.09/0219	23 April 2015 (Jilid 68, No.9 Tambahan 1)
13.	Rancangan Tempatan Daerah Hulu Terengganu (Pengubahan) 2014-2020	537	TR.09/0220	12 Mei 2016 (Jilid 69, No. 11)
14.	Rancangan Kawasan Khas Bukit Besi	565	TR009/0261	26 Mei 2016 (Jilid 69, No.11)

Mutiara Kata

Manusia telah menerima amanah yang telah ditolak oleh langit, bumi dan gunung ganang untuk menjadi khalifah di muka bumi. Amanah besar itu adalah amanah hidayah, amanah iman untuk mengenal Allah SWT iaitu tanggungjawab supaya sentiasa menghubungkan diri denganNya, dan hanya kepadaNya kita bergantung dan berserah diri. Segala yang ada di langit dan di bumi adalah milik Allah Yang Maha Berkuasa dan kita hanya hambaNya..... sebagaimana firmanNya seperti berikut;

"Dan tidak Ku jadikan jin dan manusia melainkan untuk berbudiah (menghambakan diri) padaKu."

- Az Zariyat: 56

Jiwa manusia diberi persediaan untuk memikul amanah ini iaitu dipersiapkan kebolehan untuk berusaha, gigih, mempunyai kesedaran, kasih sayang, bertanggungjawab dan mampu berkorban untuk menjayakan amanah yang dipertanggungjawab padanya. Kekhalifahan bukanlah semata-mata kerajaan dan pemerintahan atau kekuasaan tetapi harus dipergunakan untuk kebaikan dan membina kemakmuran serta menegakkan jalan Allah SWT agar manusia dapat meninggikan keperibadiannya dalam kehidupan dan mendapat redha Allah. Sepertimana firman Allah:

"... Dan tiadalah Kami mengutuskan kamu, melainkan untuk menjadi rahmat bagi semesta alam." - Al Anbiya': 107

Tanggungjawab ini adalah tanggungjawab kita semua. Oleh itu hendaklah kita sentiasa berusaha menunaikan amanah janji kita dengan Allah yang mencipta kita. Hidup bukan untuk diri sendiri sahaja, malah kita hendaklah sentiasa berusaha supaya kita dapat memberi manfaat untuk orang lain. Seperti ulamak berkata, bukan cukup menjadi soleh tapi sebaik-baiknya menjadi muslih iaitu yang boleh memberi, menyumbang untuk kebaikan yang lebih besar juga untuk masalah ummah. Selari dengan firman Allah:

"Apakah manusia menyangka bahawa mereka itu akan dibiarkan berkata; Kami telah beriman sedangkan mereka belum diuji." - Al Ankabut: 2

Jelaslah bahawa kita dituntut untuk berusaha dengan bersungguh-sungguh dan dengan himmah yang tinggi. Apa itu "himmah"; iaitu mengarahkan hati dengan segenap potensi dan kekuatan spiritualnya untuk mendapat kesempurnaan bagi dirinya dan untuk orang lain. Seperti burung yang terbang dengan sayapnya, manusia terbang dengan himmahnya yang akan membawanya kepada puncak tertinggi.

Ibn Qayyim mengatakan:

"Kenikmatan tidak bisa diperolehi dengan kenikmatan. Siapa yang mementingkan kesenangan akan hilang kesenangan dan siapa yang berani menentang badai dan menghadapi

rintangan, ia akan memperoleh kegembiraan dan kenikmatan."

"Maka berlumba-lumbalah kamu dalam membuat kebajikan." (Al Baqarah:148)

Orang-orang mukmin perlu cerdik dalam membuat pilihan dalam kehidupannya. Sepertimana peringatan dari firman Allah:

"Dan tiadalah kehidupan dunia itu melainkan senda gurau dan main-main . Dan sesungguhnya negeri akhirat itulah kehidupan yang sebenar-benarnya, kalaulah mereka mengetahui"

- Al Ankabut: 64

Rasulullah SAW bersabda: ***"Berkemahuan keraslah terhadap apa yang menandatangani manfaat pada mu, mohonlah pertolongan kepada Allah, dan jangan lemah"*** - Riwayat Muslim.

Akhirnya , jadilah hamba yang sentiasa mendambakan redhaNya yang sedar akan tujuan ia dijadikan.

"Adapun buih itu akan hilang sebagai sesuatu yang tiada harganya, adapun yang memberi manfaat kepada manusia, maka ia tetap dibumi."

- Ar Ra'ad:17

Sekian, wallahua'lam

Umuhanis

